



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتِنْ حَالِ الْاِخْوَالِ الْاِسْلَامِ نِغَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

23 JUN 2023M

DADAH DIJAUHI, NEGARA HARMONI

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Sabah, Kementerian Dalam Negeri

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 15.06.2023

PEGAWAI PENYEMAK : M. J. [Signature]

MOHD ZARATKHAN ABD RAHMAN

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 16/06/2023

DIBACA PADA : 23/06/2023

DILULUSKAN OLEH : BAHARUDIN HJ. ALWI

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA
“DADAH DIJAUHI, NEGARA HARMONI”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ

يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ١٩٥ (سورة البقرة (2): 195)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ

الأنبياء والمرسلين، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانِ

إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Melalui Mimbar Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya sendiri dan kaum muslimin sekalian, marilah kita bersama-sama

bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah dan melaksanakan segala suruhan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, agar kita beroleh kejayaan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat. Ketahuilah bahawa kehidupan di dunia ini hanya sementara sedangkan negeri akhirat jualah yang kekal abadi.

Maka mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah Jumaat yang bertajuk “**DADAH DIJAUHI, NEGARA HARMONI**”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Isu dadah merupakan isu yang serius dalam negara kita kerana impaknya bukan sahaja kepada individu terlibat malah mampu melumpuhkan sesebuah negara. Lantaran itu, dadah telah diisytiharkan sebagai musuh utama negara sejak tahun 1983. Ini kerana penyeludupan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah memberi ancaman besar kepada sistem sosial, ekonomi dan keselamatan negara. Oleh itu, kita semua perlu berganding bahu dan bersepakat untuk memerangi dadah hingga ke akar umbi.

Sesungguhnya penyalahgunaan dadah selain daripada memudaratkan diri, ia juga dilarang dari segi syarak dan undang-undang negara. Penggunaan dan pergantungannya boleh mendatangkan kesan-kesan negatif yang memudaratkan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ١٩٥

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

(QS al-Baqarah (2):195)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Dadah merujuk kepada bahan psikoaktif yang mengubah pemikiran, emosi, dan tingkah laku individu. Penyalahgunaan dadah menyebabkan ketagihan dan boleh merosakkan akal. Kesannya boleh menyebabkan gangguan kepada kesihatan mental dan boleh menjurus kepada perlakuan kes-kes jenayah seperti pembunuhan, ragut dan sebagainya.

Realitinya, kita dapati jumlah individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah semakin meningkat. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaporkan bahawa sehingga September 2022 jumlah penagih adalah sebanyak 129,092 orang dengan peningkatan sebanyak 14.5 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2021. Apa yang membimbangkan daripada jumlah tersebut, 83.4 peratus atau 107,633 orang adalah beragama Islam. Ini ditambah dengan kategori penagihan yang melibatkan kategori umur belia

belasan tahun.

SIDANG JUMAAT YANG SAMA-SAMA BERBAHAGIA,

AADK adalah agensi yang melaksanakan perkhidmatan pencegahan, penguatkuasaan dan merawat pulih individu yang terjebak dengan masalah penagihan dadah hampir empat dekad lamanya.

Namun begitu, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh AADK tidak boleh dilaksanakan sendirian dan perlu diperjuangkan secara kolektif dan berterusan. Bersesuaian dengan tema Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan pada tahun ini iaitu “Lebih Baik Cegah”, semua pihak sama ada individu, kumpulan, keluarga, majikan, pemimpin masyarakat, pertubuhan-pertubuhan dan jabatan-jabatan kerajaan perlu memainkan peranan dan tanggungjawab dalam memastikan masyarakat bebas daripada dadah.

Sabda Rasulullah SAW :

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالْإِمَامُ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ
وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ، وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: “Setiap daripada kalian adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap pimpinannya, seorang imam (ketua negara) adalah pemimpin dan dia bertanggungjawab terhadap rakyatnya dan seorang lelaki dalam keluarga adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap pimpinannya (ahli keluarganya).”

(HR Bukhari)

Institusi pendidikan juga perlu memainkan peranan penting dalam membendung gejala ini. Para pelajar dididik dan dibantu sejak awal persekolahan lagi tentang bahaya penyalahgunaan dadah yang jelas haram di sisi syarak.

KAUM MUSLIMIN SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Anggota masyarakat perlu berganding bahu bersama rakan strategik seperti AADK, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan institusi keagamaan untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah melalui aktiviti pencegahan dan perkhidmatan rawatan dan pemulihan. Bantulah individu yang terlibat dengan memberi sokongan moral agar mereka segera mendapatkan rawatan dan pemulihan yang sewajarnya. Kita perlu menerima dan jangan sekali-kali menyisihkan mereka yang telah pulih kerana mereka juga mampu memberi sumbangan kepada masyarakat. Mimbar ini menyeru agar kaum muslimin sekalian berganding bahu membantu mengurangkan diskriminasi dan stigma negatif kepada bekas-bekas penagih dan ahli keluarganya, malah melibatkan mereka dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kekeluargaan dalam kawasan kejiranan kita.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Antara penghayatan yang boleh dijadikan pedoman melalui khutbah pada hari ini ialah:

Pertama: Institusi kekeluargaan yang harmoni akan menghindarkan individu daripada terjebak ke kancah penyalahgunaan dadah;

Kedua: Anggota masyarakat perlu sama-sama menggalas

tanggungjawab dan saling bekerjasama dalam memastikan kesejahteraan dan keharmonian terpelihara daripada anasir negatif di persekitarannya; dan

Ketiga : Kebersamaan semua pihak sangat perlu dalam mengambil cakna komuniti setempat.

Allah SWT berfirman dalam surah at-Tahrim; ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ٦

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."

(QS at-Tahrim (66):6)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ

الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ

الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ

وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي بِيغِ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكِ بَكِينِدَا بِيغِ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغِ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ بِيغِ تَرَاوَتَامِ بِيغِ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com